



Kios Sehai Desert Island menjadi tumpuan di Kafeteria KK1 kerana keenakan ais kacang ditawarkan.

Ais kacang 'cairkan' pengunjung

Oleh Rosniza Mohd Taha
yaniza@bh.com.my

► Gambang

Seiklas pandang, ais kacang dihidangkan Sehai Desert Island di Kafeteria Kolej Kediaman (KK1) Universiti Malaysia Pahang (UMP) hampir sama dengan ais kacang Kampung Melayu, Johor yang terkenal

dengan keenakannya.

Kisaran ais kacang yang tinggi disaluti cairan coklat, sirap dan jagung yang pekat serta aiskrim tambah menyelerakan apabila ditaburkan dengan pelbagai bahan termasuk cincau, jeli, kacang merah dan buah kabung.

Keistimewaan juadah manis dari Johor itu diperkenalkan di UMP oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dan Industri, Nor Nasihah Yahya,



Nor Nasihah menyediakan **ais kacang coklat**, antara perisa unik diperkenalkan di kedainya di Kafeteria KK1 UMP.

“**SAYA MEMANG MINAT MAKANAN DAN BERNIAGA. APABILA TERTARIK DENGAN MENU SESUATU MAKANAN DICUBA DI KEDAI, SAYA AKAN MENCUBA MEMBUATNYA SENDIRI DAN MENAMBAH BAIK RESIPI**”

Nor Nasihah Yahya,
Pelajar UMP

24, sebagai percubaan sulung mengusahakan perniagaan makanan di kedai sendiri.

Sebelum ini, pelajar kelahiran Johor Bahru itu berjinak-jinak dengan perniagaan makanan menerusi bazar Ramadan serta menjual 'dari pintu ke pintu' di kolej kediaman.

Juadah kegemaran

“Saya memang minat makanan dan berniaga. Apabila tertarik dengan menu sesuatu makanan dicuba di kedai, saya akan mencuba membuatnya sendiri dan menambah baik resipi.”

“Sebelum ini, saya berniaga minuman air bandung soda, ais jeli dan sandwich di

bazar Ramadan dan kolej kediaman. Apabila permohonan mendapatkan tapak perniagaan di Kafeteria KK1 diluluskan, saya memperkenalkan ais kacang ala-Kampung Melayu, Johor yang juga antara juadah kegemaran saya,” katanya ketika ditemui.

Nor Nasihah berkata, bagi memastikan keaslian rasa ais kacang itu, semua ramuan didapatkan dari Johor dan diproses sendiri termasuk koko untuk menghasilkan sos coklat, kacang tanah dan buah kabung bersaiz besar.

Selain ais kacang yang dijual pada harga RM3 dan RM4, beliau turut menawarkan ais jeli, bandung soda hijau, burger dan jagung manis di kedainya.

Pelbagai menu

Katanya, sambutan memberangsangkan diterima sejak memulakan perniagaan pada September tahun lalu dengan purata jualan antara RM900 hingga RM1,000 sehari serta purata pendapatan bersih RM3,000 sebulan.

Berada dalam pengajian tahun akhir pengajian memudahkan beliau menguruskan operasi kedai bermula jam 10 pagi hingga 11 malam kerana jadual kuliah yang sudah tidak padat selain dibantu tiga pelajar sebagai pekerja sambilan.

“Prestasi perniagaan yang memberangsangkan sejak lebih enam bulan lalu membolehkan saya mendapat kelulusan untuk berpindah ke lot kedai berbanding kios ketika ini.

“Ruang lebih luas di kedai baharu membolehkan saya mempelbagai pilihan makanan dan minuman kepada pengunjung termasuk memperkenalkan menu bebola daging keju dan hotdog cheese mozzarella,” katanya.